

6 FEB 1996

Mahathir-imbangan

DR MAHATHIR YAKIN DEFISIT PERDAGANGAN AKAN TERUS BERKURANGAN

KUALA LUMPUR, 6 Feb (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata beliau yakin defisit akaun semasa imbalan pembayaran negara akan terus menurun hasil pelbagai langkah yang diambil oleh kerajaan.

Menurutnya langkah-langkah itu yang melibatkan tindakan kerajaan dan swasta dibuat bagi mengurangkan import dan meningkatkan eksport.

"Kalau kita ambil tindakan mengurangkan import dan meningkatkan eksport maka (defisit) 'balance of payment' (imbangan bayaran) akan kurang...ia tak ada kena mengena dengan pertumbuhan ekonomi.

"Hanya dengan mengurangkan pertumbuhan ekonomi tidak akan menolong mengurangkan defisit," kata beliau kepada pemberita selepas melancarkan penggalan pertama terowong Projek Usahasama Transit Ringan Automatik Sdn Bhd (PUTRA) di Jalan Ampang di sini.

Dr Mahathir diminta mengulas mengenai defisit akaun perdagangan negara bagi November 1995 yang jauh lebih kecil iaitu RM49.2 juta berbanding dengan RM1,600 juta pada bulan sebelumnya.

Dr Mahathir berkata satu daripada langkah ke arah meningkatkan eksport ialah dengan menambah pengeluaran kereta Proton.

"Permintaan (bagi Proton) begitu banyak sekali tetapi kita tidak meningkatkan pengeluarannya untuk dieskport...jadi sekarang kita dah bagi arahan supaya meningkatkan eksportnya," katanya.

Antara langkah bagi mengurangkan import pula ialah dengan menggunakan sumber tempatan seperti keupayaan dalam pembuatan struktur daripada keluli.

"Yang ini kita boleh buat dalam negeri, apa guna kita bawa dari luar negeri...bukan saja kita boleh guna untuk negara kita tapi kita mempunyai fabrication capabilities (keupayaan pembuatan) yang boleh kita eksportpun," katanya.

Beliau juga memberikan contoh mengenai keupayaan membuat dandang yang besar di Melaka untuk dieksporth ke Jerman.

"Kebolehan kita cukup banyak, tinggal lagi pemasaran masih lemah," katanya.

Perdana Menteri berkata pihak swasta memberikan sambutan yang amat baik kepada usaha berkenaan.

Katanya satu seminar yang membabitkan penyertaan swasta telah diadakan baru-baru ini untuk meninjau perubahan arah dalam program perindustrian negara.

"Kalau dulu objektif perindustrian negara adalah untuk menyediakan pekerjaan kepada rakyat tetapi kini dengan tiadanya pengangguran, asas perindustrian negara ialah menghasilkan barangan untuk eksport," kata beliau. -- BERNAMA